

17 NOV 1998

APEC-BERITA-PEMIMPIN

HAMPIR SEMUA PEMIMPIN APEC YG BERTEMU DGN DR MAHATHIR SEPENDAPAT

KUALA LUMPUR, 17 Nov (Bernama) -- Hampir semua pemimpin Apec yang bertemu dan berbincang secara dua hala dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pagi ini bersependapat dengan Dr Mahathir bahawa peranan kumpulan 22 (G22) adalah sangat penting dalam menyelesaikan masalah ekonomi dan kewangan serantau, kata Menteri Luar Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, hari ini.

Beliau berkata ramai pemimpin Apec mengakui bahawa Apec sahaja tidak boleh mencari penyelesaian kepada masalah ekonomi.

"Sebab itulah pemimpin-pemimpin yang telah membuat perbincangan dengan Dr Mahathir mengatakan bahawa G22 patut diberi sokongan, maknanya kita perlu menggesa supaya G22 mengambil peranan itu dan kita (Apec) perlu beri sokongan," katanya kepada media tempatan selepas perbincangan dua hala antara Dr Mahathir dengan rakan-rakan sejawatnya dari Vietnam, Chile, Jepun, New Zealand dan Indonesia pagi ini.

Beliau juga berkata pemimpin-pemimpin itu berpendapat bahawa satu formula untuk menyelesaikan masalah ekonomi ini mesti diadakan.

"Ini kerana kita perlu membentuk satu sistem kewangan antarabangsa yang betul-betul stabil berbanding sistem yang ada sekarang. Ini merujuk kepada perlunya satu susun atur kewangan (yang baru)," katanya. -- BERNAMA

RIZ JR